

**KAJIAN AWALAN TERHADAP PERBEZAAN TRAIT PSIKOLOGI PELAJAR  
PENDERMA DARAH DAN BUKAN PENDERMA DARAH DI  
INFRASTRUCURE UNIVERSITY KUALA LUMPUR (IUKL)**  
*A Preliminary Study on the Difference of Psychological Traits of Blood Donor and Non Blood  
Donors Students at Infrastructure University Kuala Lumpur (IUKL)*

Juliana Rosmida Jaafar, Nurul Hazwani Kamarudin and Noor Hidayu Zakaria  
*Infrastructure University Kuala Lumpur*

---

**ABSTRAK**

Keperluan bagi merekrut golongan muda terlibat sebagai penderma darah adalah penting untuk memastikan bekalan darah negara berada dalam tahap yang optimum. Justeru itu, kempen galakan menderma darah perlu mengenal pasti trait-trait psikologi bagi individu Penderma Darah (PD) dan Bukan Penderma Darah (BPD) bagi golongan berkenaan. Melalui kempen-kempen galakan menderma darah dengan trait-trait psikologi yang lebih bersesuaian, maka lebih ramai BPD boleh direkrut menjadi PD. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan trait psikologi bagi PD dan BPD dalam kalangan pelajar di Infrastructure University Kuala Lumpur (IUKL). Kajian reka bentuk korelasi ini menggunakan kaedah survei untuk mendapatkan data, di mana responden telah dijemput untuk menjawab item secara atas talian. Item kajian merangkumi trait-trait psikologi seperti sikap terhadap aktiviti menderma darah, norma subjektif, efikasi diri, ihsan, keprihatinan sosial, identiti sebagai penderma darah, jangkaan penyelesaian dan niat menderma darah. Seramai tujuh puluh satu (71) orang pelajar universiti telah terlibat dalam kajian ini (PD = 32, BPD = 39). Hasil ujian-t mendapati bahawa kedua-dua kumpulan ini berbeza secara signifikan dalam aspek niat menderma darah, keprihatinan sosial dan identiti sebagai penderma darah. Kajian ini memberi implikasi bahawa kempen galakan menderma darah yang bertujuan menarik minat golongan BPD perlu memberi fokus terhadap pengukuhan aspek keprihatinan sosial serta dorongan pembinaan identiti diri sebagai PD. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini mencadangkan bahawa trait psikologi golongan muda mempunyai hubungan yang signifikan terhadap niat menderma darah. Fokus kajian akan datang boleh memberikan tumpuan kepada keberkesanan kempen galakan menderma darah yang memberikan tumpuan terhadap aspek keprihatinan sosial dan identiti sebagai penderma darah.

**Kata Kunci:**

*Identity, trait psikologi, niat, menderma darah, keprihatinan social, pelajar*

**ABSTRACT**

There is a need to involve youngsters as blood donors to ensure the optimization of blood supply for the country. Hence, blood donation campaigns should determine physiological traits of Blood Donors (BDs) and Non Blood Donors (NBDs). Through the campaign that focusing on appropriate psychological traits, more NBDs can be recruited to become the BDs. Therefore, the aim of this study is to determine the differences of psychology traits among BDs and NBDs among students at Infrastructure University Kuala Lumpur (IUKL). This correlational study design was conducted using online survey method. Psychology traits such as attitude, subjective norms, self-efficacy, humanitarian, social awareness, donor's identity, anticipate regret and intention towards blood donation activity were tested in this study. A total of seventy-one (71) respondents involved in this study (BDs = 32, NBDs = 39). Result from the t-test showed that there was a significant difference between BDs and NBDs in term of their intention to donate blood, social awareness and donor's identity. This study reveals that, blood donation campaigns could focus more on the enhancement of social awareness and donor's identity to attract more NBDs to become BDs. Overall, the finding showed that there was a significant in psychological traits among youngsters and blood donation. For future research, it is suggested to study on the effectiveness of blood donation campaign which focusing on social awareness and identity of blood donors.

**Keywords:**

*Identity, psychological traits, intention, donate blood, social awareness, students*

## **PENGENALAN**


Pendermaan darah seringkali dikaitkan dengan tindakan yang berbentuk altruism. Altruism ditakrifkan sebagai keinginan yang maksimum untuk melakukan sesuatu tindakan yang memberikan kebaikan kepada individu lain. Tindakan berkenaan dilihat melebihi faedah yang diperolehi oleh individu yang menghulurkan bantuan. Dalam erti kata lain, bantuan yang memberikan kebaikan kepada penerima dan ia melebihi faedah di pihak pemberi bantuan, adalah tergolong dalam tindakan yang melibatkan nilai pengorbanan kepada individu lain. Sebagai contoh, tindakan menderma darah di mana ia bertujuan untuk kemandirian pihak lain, namun sebagai penderma darah, sukarelawan berkenaan perlu berhadapan pelbagai reaksi vasovagal. Antara contoh reaksi vasovagal yang sering dihadapi oleh penderma darah adalah seperti pening, pitam mahu pun pernafasan kencang selepas menderma darah (France, France, Frame-Brown et al. 2016). Namun begitu, kesan yang dialami oleh Penderma Darah (PD) dianggap melebihi nilai sumbangan mereka dalam situasi-situasi kecemasan seperti kemalangan kenderaan atau kebakaran serius. Malahan, keperluan darah turut diperlukan secara berkala, umpamanya bagi pesakit anemia. Dari sudut yang berlainan, walaupun penglibatan dalam aktiviti menderma darah dikaitkan dengan tindakan mulia, tidak semua individu sihat yang mahu tampil untuk terlibat dalam tindakan ini. Antara faktor yang menyebabkan individu tidak mahu terlibat sebagai penderma darah adalah seperti rasa kebimbangan terhadap reaksi vasovagal, tiada masa, kurang berminat, malahan tidak mengetahui lokasi pendermaan darah. Oleh yang demikian, pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk mendapatkan bekalan darah yang selamat turut berhadapan dengan cabara tersendiri bagi memenuhi keperluan darah semasa.

Cabaran-cabaran bagi mendapatkan bekalan darah yang selamat boleh diatasi melalui pengukuhan trait-trait psikologi. Ini adalah kerana masyarakat secara umumnya memandang penglibatan sukarelawan penderma darah sebagai sesuatu yang mulia dan positif (Ferguson & Lawrence, 2016). Bagi kumpulan PD, kejayaan menderma darah berupaya mengukuhkan sikap positif terhadap aktiviti berkenaan. Melalui sikap sedemikian, kumpulan PD dilihat mempunyai kecenderungan yang lebih tinggi untuk mengulangi tindakan berkenaan pada masa akan datang (Guarnaccia et al., 2016). Sementara itu, kajian yang dijalankan oleh Bolle dan Otto (2011) melaporkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan dari segi aspek nilai positif seperti altruisme antara kumpulan Bukan Penderma Darah (BPD) dan PD. Dalam erti kata lain, nilai altruisme dilaporkan wujud bagi kedua-dua kumpulan tanpa mengira penglibatan mereka dalam aktiviti menderma darah. Manakala dalam kajian yang berlainan oleh Bilal, Haseeb, Zahid et al. (2016), mereka turut melaporkan bahawa golongan BPD turut mempersepsikan bahawa pendermaan darah sebagai tindakan yang mulia. Ertinya, sama ada individu terlibat atau tidak dalam aktiviti menderma darah, keadaan berkenaan tidak dibezakan oleh trait psikologi individu. Ini mencadangkan bahawa terdapat kemungkinan bahawa wujud persamaan motivasi bagi kedua-dua kumpulan yang boleh menjadi fokus dalam kempen memantapan niat menderma darah.

Bagi menjelaskan motivasi menderma darah, salah satu daripada teori yang dipakai secara meluas ialah Teori Tingkah Laku Terancang (Theory of Planned Behavior) yang dipelopori oleh Ajzen (1991). Teori berkenaan menjelaskan bahawa tindakan seseorang adalah didorong oleh faktor niat, iaitu semakin kuat niat atau keinginan terhadap sesuatu tingkah laku maka semakin besar kemungkinan berlakunya tingkah laku berkenaan (Rajah 1). Dalam masa yang sama, niat didorong oleh tiga faktor iaitu sikap, norma subjektif dan tanggapan kawalan tingkah laku. Bagi aspek tanggapan kawalan tingkah laku, teori berkenaan mencadangkan bahawa aspek berkenaan berupaya mendorong niat dan seterusnya tindakan, atau berkaitan secara langsung terhadap sesuatu tingkah laku. Sejalan dengan perkembangan kajian-kajian berkaitan motivasi menderma darah yang menggunakan teori berkenaan, lebih banyak aspek psikologi diuji bagi memberikan penjelasan yang lebih jelas berkaitan niat menderma darah. Misalnya France, France, Carlson et al (2017) berpandangan bahawa pengujian aspek-aspek psikologi tambahan seperti efikasi diri, jangkaan penyesalan mahupun efikasi diri dapat menjelaskan lagi sumbangan aspek berkenaan terhadap


varians niat menderma darah. Pengujian ciri atau trait-trait psikologi yang lain terhadap niat dan tindakan menderma darah telah membawa kepada pembentukan Teori Lanjutan Tingkah Laku Terancang (TLTT).

Rajah 1: Teori Tingkah Laku Terancang (Ajzen 1991)



Dalam kajian ini, pengujian trait psikologi terhadap niat menderma darah adalah seperti Rajah 2, iaitu ia merangkumi tujuh pemboleh ubah bebas; sikap, norma subjektif, efikasi diri, ihsan, kesedaran sosial, jangkaan penyesalan dan identiti sebagai penderma darah. Manakala niat menderma darah merupakan pemboleh ubah bersandar.

Rajah 2: Kerangka Konseptual berkaitan Teori Lanjutan Tingkah Laku Terancang



## **PERNYATAAN MASALAH**

Pemahaman yang mendalam mengenai potensi penglibatan golongan muda dalam aktiviti menderma darah adalah perlu memandangkan kumpulan berkenaan mempunyai potensi untuk terlibat sebagai penderma darah untuk jangka masa yang panjang. Ia adalah berbeza dengan kumpulan dewasa iaitu mempunyai kecenderungan untuk terlibat dengan situasi berkomitmen seperti bekerja serta urusan dalam keluarga (Piersma, Bekkers, de Kort, et al. 2019). Dalam erti kata lain, komitmen golongan dewasa yang menjurus kepada pembinaan kerjaya dan keluarga berkemungkinan mengurangkan motivasi menderma darah yang memungkinkan berlakunya pengenduran niat dalam aktiviti berkenaan. Perkara yang sama turut dinyatakan oleh Jaafar et al. (2017) iaitu golongan pelajar universiti sebagai kumpulan sasaran untuk menderma darah dalam jangka masa yang lebih panjang. Seajar dengan itu, Merz, Ferguson dan Van Dongen (2018) turut bersetuju bahawa adalah penting untuk memahami dengan lebih mendalam mengenai trait psikologi golongan muda dalam konteks tindakan menderma darah. Pemahaman mendalam mengenai ciri-ciri psikologi PD dan BPD yang difahami di peringkat awal berupaya membantu usaha kempen-kempen mengekalkan niat menderma darah. Oleh yang demikian, adalah penting untuk memahami trait psikologi golongan penderma darah dan yang sebaliknya agar motivasi penglibatan dalam aktiviti berkenaan dapat difahami dengan lebih jelas.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Ini ialah kajian korelasi yang menggunakan kaedah survei bagi pengumpulan data. Data telah dikumpul daripada pelajar-pelajar universiti iaitu mereka dijemput untuk menjadi responden kajian. Tempoh pengumpulan data bermula dua minggu sebelum tarikh kempen menderma darah dijalankan iaitu pada 21 Ogos 2017. Sebanyak tujuh puluh satu (71) orang pelajar telah terlibat sebagai responden kajian (39 = BPD dan 32 PD). Min umur keseluruhan responden ialah 21.132 (sp=2.430).

Responden kajian menjawab survei berkaitan motivasi menderma darah secara atas talian. Kaedah berkenaan adalah lebih pantas, mempunyai kemudahan bilangan responden dengan cepat dan jimat kos. Item-item kajian melibatkan tujuh trait psikologi berkaitan motivasi menderma darah iaitu sikap, norma subjektif, efikasi diri, jangkaan penyesalan, ihsan dan identiti sebagai penderma darah. Trait-trait psikologi berkenaan merupakan pemboleh ubah bebas dalam kajian ini, manakala niat menderma darah ialah pemboleh ubah bersandar. Setiap item mempunyai lima pilihan jawapan berdasarkan skala Likert (1= sangat tidak setuju sehingga 5 =sangat setuju). Item-item dibentuk melalui kajian-kajian lalu (Godin et al., 2008 et al., Charng et al., 1988; Lemmens et al., 2005; Steele et al., 2008; Ouellete & Wood 1998; Verplanken & Orbell 2003; Masser et al., 2009; Ferguson et al., 2012). Nilai kebolehpercayaan pemboleh ubah kajian ini adalah seperti di dalam Jadual 1.

Jadual 1: Nilai Kebolehpercayaan Cronbach Alpha dan Contoh Item

---

**Sikap terhadap pendermaan darah:**

Bagi saya pendermaan darah adalah tidak berisiko.

$\alpha = .803$  (11 item)

**Norma subjektif:**

Banyak orang akan kecewa jika saya berhenti menderma darah.

$\alpha = .852$  (9 item)

**Efikasi diri :**

Saya akan mencari alternatif untuk menderma darah jika berhadapan dengan masalah untuk menderma darah pada hari yang dirancang.

$\alpha = .687$  (3 item)

**Jangkaan penyesalan:**

Saya akan berasa menyesal jika tidak dapat menderma darah di *Gallery* (Blok 11) IUKL pada 21 Ogos 2017.

$\alpha = .918$  (3 item)

**Ihsan:**

Saya tersenyum apabila melihat orang ramai beratur untuk menderma darah.

$\alpha = .780$  (5 item)

**Identiti sebagai Penderma Darah:**

Bagi seseorang penderma darah, buku rekod pendermaan darah adalah penting.

$\alpha = .828$  (8 item)

**Kesedaran sosial:**

Saya membantu individu lain melalui pendermaan darah.

$\alpha = .825$  (8 item)

**Niat menderma darah:**

Saya telah membayangkan diri saya untuk menderma darah di *Gallery* (Blok 11) IUKL pada 21 Ogos 2017.

$\alpha = .857$  (3 item)

---

## HASIL KAJIAN

Data dalam kajian ini telah diuji melalui ujian-t bagi mengenal pasti perbandingan trait psikologi dan niat menderma darah antara dua kumpulan responden iaitu PD dan BPD. Nilai kebolehpercayaan item trait-trait psikologi dan niat menderma darah bagi;

### i. Niat Menderma Darah

Dapatan kajian berdasarkan Ujian-t mendapati bahawa niat untuk menderma darah dalam kalangan PD adalah berbeza secara signifikan ( $M = 3.562$ ,  $SP = .970$ ) berbanding dengan BPD ( $M = 3.137$ ,  $SP = .801$ ),  $t(69) = 2.025$ ,  $p = .047$ .

### ii. Trait Psikologi

Ujian-t telah dijalankan bagi mengenal pasti perbezaan antara dua kumpulan ini dari konteks trait psikologi. Trait-trait psikologi yang diuji dalam kajian ini adalah sikap, norma subjektif, efikasi diri, kesedaran sosial, jangkaan penyesalan, identiti sebagai penderma darah dan ihsan.

Hasil analisis mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara dua kumpulan ini bagi aspek kesedaran sosial dan identiti sebagai penderma darah. Hasil kajian mendapati bahawa kumpulan PD mempunyai skor aspek keprihatinan sosial yang lebih tinggi ( $Min = 4.153$ ,  $sp = .465$ ) berbanding dengan BPD ( $Min = 3.782$ ,  $sp = .547$ ),  $t(68) = 3.010$ ,  $p = .004$ . Manakala bagi aspek identiti sebagai penderma darah, kumpulan PD menunjukkan skor yang lebih tinggi ( $Min = 3.449$ ,

$sp=.835$ ) berbanding dengan BPD (Min =3.019,  $sp= .581$ ),  $t(69) = 2.552$ ,  $p=.013$ . Sementara itu, lain-lain trait psikologi dalam kajian ini didapati tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan antara kumpulan responden.

## **PERBINCANGAN**

Dapatan dalam kajian ini mendapati bahawa niat untuk menderma darah yang wujud dalam diri pelajar universiti adalah lebih kuat dalam diri pelajar PD berbanding dengan BPD. Manakala bagi kumpulan BPD yang tiada pengalaman menderma darah, kajian ini turut mendapati bahawa mereka juga mempunyai niat atau keinginan, namun dalam tahap yang lebih rendah daripada kumpulan PD. Dapatan berkenaan mencadangkan bahawa bagi individu yang pernah menderma darah, terdapat kemungkinan aspek pengalaman telah menguatkan niat untuk mereka meneruskan aktiviti menderma darah pada masa akan datang. Dalam konteks pengalaman, individu yang berjaya menderma darah umumnya mempunyai persepsi positif di atas kejayaan mereka melaksanakan tindakan berkenaan. Persepsi sedemikian yang dikaitkan dengan perasaan positif boleh menjadi dorongan untuk kumpulan PD mengulangi tindakan berkenaan (Jaafar et al. 2017; Kittu, Dhivyalakshmi, Haritha et al. 2017). Keadaan berkenaan adalah berbeza dengan kumpulan BPD yang dilihat tidak mempunyai pengalaman terhadap penglibatan dalam aktiviti berkenaan. Namun, bagi individu yang menyaksikan individu lain menderma darah secara tidak langsung boleh mendorong mereka untuk mempunyai keinginan terlibat dalam aktiviti berkenaan. Ini adalah kerana aktiviti-aktiviti di kampus umumnya akan diwar-warkan di laman media sosial universiti bagi menarik lebih ramai penglibatan pelajar. Selain daripada faktor pengalaman sebagai dorongan terhadap niat menderma darah, Guarnaccia, Giannone, Falgares et al. (2016) yang berpandangan bahawa bagi individu PD, mereka telah membina imej positif dalam jaringan sosial sebagai individu yang terlibat dalam aktiviti kesukarelawan. Melalui imej sosial yang positif, maka terdapat kebarangkalian PD akan cenderung mengekalkan persepsi jaringan sosial terhadap diri mereka dalam konteks penglibatan aktiviti kesukarelawan. Maka, pengekal imej positif dalam jaringan sosial PD, terutama pelajar universiti merupakan antara dorongan untuk kumpulan berkenaan terlibat secara konsisten dalam aktiviti menderma darah.

Selain itu, dapatan kajian ini turut mendapati bahawa kumpulan PD mempunyai nilai keprihatinan sosial yang berbeza secara signifikan berbanding dengan kumpulan BPD. Secara khusus, individu yang mempunyai pengalaman menderma darah menunjukkan nilai keprihatinan sosial yang lebih tinggi berbanding dengan mereka yang tiada pengalaman dalam aktiviti berkenaan. Tambahan, Garcia-De los Salmenes dan Perez (2019) turut menyuarakan pandangan mereka iaitu keprihatinan sosial yang mencerminkan elemen altruism serta rasa bertanggungjawab adalah sebahagian daripada nilai diri individu yang cenderung terlibat dengan aktiviti kesukarelawan.

Akhir sekali, dapatan kajian ini melaporkan bahawa kedua-dua kumpulan responden adalah berbeza secara signifikan dari segi identiti sebagai penderma darah. Kumpulan PD mempersepsikan bahawa mereka mempunyai nilai identiti sebagai penderma darah yang lebih kuat berbanding dengan kumpulan BPD. Dapatan berkenaan mencadangkan bahawa bagi kumpulan PD, mereka berasa lebih dekat dengan aktiviti menderma darah iaitu wujud perasaan kepunyaan (belonginess) terhadap pendermaan darah memandangkan penglibatan mereka dalam aktiviti berkenaan. Tambahan, identiti sebagai penderma darah turut memperkukuhkan perasaan bangga terhadap penglibatan dalam aktiviti menderma darah (Myhal, Godin & Dubuc 2017). Namun begitu, data dalam kajian ini tidak mencukupi untuk mengenal pasti sejauh mana penglibatan dalam aktiviti menderma darah, misalnya bilangan pendermaan darah yang berjaya dijalankan mempunyai hubungan dengan aspek identiti PD. Faktor berkenaan merupakan sebahagian daripada kekangan dalam kajian ini. Walaupun begitu, dapatan daripada kajian ini telah menunjukkan kewujudan perbezaan trait psikologi yang signifikan bagi kumpulan PD dan BPD dalam konteks niat menderma

darah, keprihatinan sosial dan identiti sebagai penderma darah. Dapatan kajian ini memberikan implikasi dari segi pengukuhan niat menderma darah iaitu bagi kumpulan PD, kempen mempromosikan pendermaan darah yang berterusan perlu memberikan fokus kepada aspek keprihatinan sosial dan identiti sebagai penderma darah. Slogan-slogan kempen yang mempamerkan nilai keprihatinan sosial seperti “bantu individu lain melalui darah anda”, “saya sihat, darah saya selamat”, mahupun “derma darah, anda wira”. Manakala bagi pengukuhan aspek identiti sebagai penderma darah, pemberian token penghargaan seperti lencana penderma darah yang dijangka berupaya mengukuhkan identiti diri penderma darah dalam aktiviti ini.

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhan, kajian ini mendapati bahawa pengujian trait psikologi antara kumpulan PD dan BPD di Infrastructure University Kuala Lumpur (IUKL) menunjukkan perbezaan yang signifikan bagi aspek niat menderma darah, keprihatinan sosial dan identiti sebagai penderma darah. Pelajar di universiti ini yang mempunyai pengalaman sebagai penderma darah dilaporkan mempunyai niat menderma darah yang lebih kuat, rasa prihatin kepada individu lain dan merasakan bahawa mereka lebih dekat dengan aktiviti berkenaan. Dalam masa yang sama, dapatan kajian turut mendapati bahawa trait personaliti lain (sikap, norma subjektif, jangkakan penyesalan, ihsan serta efikasi diri) yang diuji adalah tidak berbeza secara signifikan bagi kedua-dua golongan responden. Dapatan berkenaan mencadangkan bahawa tindakan menderma darah sebagai satu tingkah laku yang dipersetujui mengandungi penilaian yang positif, tanpa mengira sama ada seseorang itu adalah PD atau sebaliknya. Begitu juga dengan aspek lain seperti jangkakan penyesalan iaitu dapatan kajian ini mencadangkan bahawa rasa sesal jika tidak menderma darah turut dirasai oleh sesiapa sahaja, sama ada PD atau BPD. Dapatan kajian ini menyarankan bahawa perasaan sesal dan kecewa jika tidak terlibat dengan aktiviti berbentuk kesukarelawan merupakan emosi yang dialami oleh individu secara umum. Ringkasnya terdapat trait-trait psikologi yang tidak bersifat eksklusif khusus untuk golongan penderma darah sahaja. Kajian akan datang boleh memberikan tumpuan terhadap keberkesanan kempen galakan menderma darah yang menggunakan slogan-slogan berkaitan aspek keprihatinan sosial dan identiti sebagai penderma darah dalam menjana lebih ramai penderma darah. Selain itu, analisis inferensi yang lebih komprehensif berkaitan trait-trait psikologi terhadap niat menderma darah perlu dijalankan terhadap lebih ramai penderma darah memandangkan dapatan dalam kertas kerja ini merupakan hasil kajian awalan.

## **PENGHARGAAN**

Kajian ini telah dijalankan menggunakan peruntukan IUKL Internal Research Fund (KLIU\_ACD\_FS\_05) dari Infrastructure University Kuala Lumpur (IUKL), Kajang, Selangor Darul Ehsan.

**RUJUKAN**

- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational behavior and human decision processes*, 50(2), 179-211.
- Bilal, M., Haseeb, A., Zahid, I., Lashkerwala, S. S., Saeeduddin, F., Saad, M., ... & Habib, H. (2016). Knowledge, attitudes and perceptions among non-blood donor female health care professionals. *Global journal of health science*, 8(4), 203.
- Bolle, F., & Otto, P. E. (2010). A price is a signal: On intrinsic motivation, crowding-out, and crowding-in. *Kyklos*, 63(1), 9-22.
- Charng, H.W., Piliavin, J.A. and Callero, P.L. (1988). Role identity and reasoned action in the prediction of repeated behavior. *Social Psychology Quarterly*, 303-317.
- Ferguson, E., & Lawrence, C. (2016). Blood donation and altruism: the mechanisms of altruism approach. *ISBT Science Series*, 11(S1), 148-157.
- Ferguson, E., Taylor, M., Keatley, D., Flynn, N. and Lawrence, C. (2012). Blood donors' helping behavior is driven by warm glow: more evidence for the blood donor benevolence hypothesis. *Transfusion*, 52(10), 2189-2200
- France, C. R., France, J. L., Carlson, B. W., Frye, V., Duffy, L., Kessler, D. A., ... & Shaz, B. H. (2017). Applying self-determination theory to the blood donation context: the blood donor competence, autonomy, and relatedness enhancement (Blood Donor CARE) trial. *Contemporary clinical trials*, 53, 44-51.
- France, C. R., France, J. L., Frame-Brown, T. A., Venable, G. A., & Menitove, J. E. (2016). Fear of blood draw and total draw time combine to predict vasovagal reactions among whole blood donors. *Transfusion*, 56(1), 179-185.
- Garcia-De los Salmones, M. M., & Pérez, A. (2019). How to Promote Blood Donation? The Case of the Blood Donor Association of Cantabria (Spain) dalam *Case Studies on Social Marketing* (pp. 61-72). Springer, Cham.
- Godin, G., Sheeran, P., Conner, M. and Germain, M. (2008). Asking questions changes behavior: mere measurement effects on frequency of blood donation. *Health Psychology*, 27(2), 179.
- Guarnaccia, C., Giannone, F., Falgares, G., Caligaris, A. O., & Sales-Wuillemin, E. (2016). Differences in social representation of blood donation between donors and non-donors: an empirical study. *Blood Transfusion*, 14(6), 490.
- Jaafar, J. R., Chong, S. T., & Alavi, K. (2017). Experience as Factors Associated with Repeat Blood Donation among University Students in Malaysia. *Southeast Asian Journal of Tropical Medicine and Public Health*, 48(5), 1118-1126.
- Kittu, D., Dhivyalakshmi, G., Haritha, P., & Vasudevan, K. (2017). Knowledge, attitude, and practice of blood donation among college students in Puducherry. *International Journal of Medical Science and Public Health*, 6(7), 1231-1237.
- Lemmens, K.P.H., Abraham, C., Hoekstra, T., Ruiter, R.A.C., De Kort, W.L.A.M., Brug, J. and Schaalma, H.P. (2005). Why don't young people volunteer to give blood? An investigation of the correlates of donation intentions among young nondonors. *Transfusion*, 45(6), 945-955.
- Merz, E. M., Ferguson, E., & van Dongen, A. (2018). Psychosocial characteristics of blood donors influence their voluntary nonmedical lapse. *Transfusion*, 58(11), 2596-2603.
- Masser, B.M., White, K.M., Hyde, M.K., Terry, D.J. and Robinson, N.G. (2009). Predicting blood donation intentions and behavior among Australian blood donors: testing an extended theory of planned behavior model. *Transfusion*, 49(2), 320-329.
- Myhal, G., Godin, G., & Dubuc, S. (2017). The relative efficacy of three interventions to favour return to give blood. *Blood Transfusion*, 15(5), 398.
- Ouellette, J.A. and Wood, W. (1998). Habit and intention in everyday life: The multiple processes by which past behavior predicts future behavior. *Psychological bulletin*, 124(1), 54.

- Piersma, T. W., Bekkers, R., de Kort, W., & Merz, E. M. (2019). Blood donation across the life course: the influence of life events on donor lapse. *Journal of health and social behaviour*.
- Steele, W.R., Schreiber, G.B., Gultinan, A., Nass, C., Glynn, S.A., Wright, D.J., Kessler, D., Schlumpf, K.S., Tu, Y., Smith, J.W. and Garratty, G. (2008). The role of altruistic behavior, empathetic concern, and social responsibility motivation in blood donation behavior. *Transfusion*, 48(1), 43-54.
- Verplanken, B. and Orbell, S. (2003). Reflections on Past Behavior: A Self-Report Index of Habit Strength 1. *Journal of applied social psychology*, 33(6), 1313-1330.